



25 Januari 2019
25 January 2019
P.U. (A) 21

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS
DEPOSIT MALAYSIA (PERUNTUKAN MAKLUMAT
MENGENAI INSURANS DEPOSIT) (PINDAAN) 2019

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(PROVISION OF INFORMATION ON DEPOSIT INSURANCE)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PERUNTUKAN MAKLUMAT MENGENAI INSURANS DEPOSIT) (PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 209 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [Akta 720], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Peruntukan Maklumat mengenai Insurans Deposit) (Pindaan) 2019.**
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2019.

Peraturan baharu 1A

2. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Peruntukan Maklumat mengenai Insurans Deposit) 2011 [P.U. (A) 32/2011], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 1 peraturan yang berikut:

“Ketidakpakaian

- 1A. Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai kepada perniagaan perbankan Labuan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [Akta 704] dan perniagaan perbankan Islam Labuan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [Akta 705], yang dijalankan oleh suatu anggota penerima deposit.”.

Penggantian peraturan 2

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 2 dengan peraturan yang berikut:

‘ “aktiviti menerima deposit” termasuk aktiviti menerima deposit atas akaun semasa, akaun deposit, akaun simpanan atau akaun lain yang serupa;

“anggota bukan penerima deposit” ertinya mana-mana orang selain daripada suatu anggota penerima deposit;

“Brosur Sistem Insurans Deposit” ertinya brosur Perbadanan yang berhubungan dengan sistem insurans deposit;

“deposit tidak diinsuranskan” ertinya—

(a) suatu deposit yang dikecualikan di bawah mana-mana subperenggan 41(1)(a)(A) hingga (E) Akta; atau

(b) suatu liabiliti atau surat cara kewangan yang telah ditentukan oleh Perbadanan sebagai dikecualikan di bawah subperenggan 41(1)(a)(F) Akta;

“ejen” ertinya seorang yang dilantik oleh suatu anggota penerima deposit untuk menjalankan aktiviti menerima deposit bagi pihak anggota penerima deposit;

“iklan” ertinya penyebaran atau penyampaian maklumat, pelawaan atau permintaan, sama ada dalam bentuk bercetak atau elektronik (termasuk pada laman sesawang, laman rangkaian sosial, rencana blog yang ditaja, televisyen, papan iklan dan melalui e-mel) bagi maksud memberikan maklumat mengenai suatu deposit, atau mempromosikan atau menawarkan jualan suatu deposit, termasuk melalui—

(a) penyiaran dalam akhbar, majalah, jurnal atau terbitan berkala lain;

(b) pameran sepanduk, panji-panji, poster atau notis; dan

(c) pekeliling, surat sebaran, brosur, risalah, lembaran penzahiran produk, lembaran serlahan produk, buku atau dokumen lain,

tetapi tidak termasuk promosi video dalam talian, radio, sepanduk dalam talian, alat tulis, dan barang promosi;

“institusi bukan anggota” ertinya mana-mana orang selain suatu institusi anggota;

“premis” ertinya suatu tempat perniagaan utama, suatu cawangan, suatu tempat perniagaan bergerak, suatu tempat perniagaan yang ditubuhkan dan disenggarakan bagi sesuatu tempoh terhad sahaja dan apa-apa tempat perniagaan lain di Malaysia yang aktiviti menerima deposit dijalankan tetapi tidak termasuk suatu agensi;

“produk bukan deposit” termasuklah suatu skim unit amanah, produk insurans, produk takaful, kemudahan kredit konvensional dan kemudahan pembiayaan Islam;

“surat cara” ertinya apa-apa perjanjian atau dokumen, sama ada dalam bentuk bercetak atau elektronik, untuk merekodkan atau mengesahkan berlakunya suatu transaksi kewangan tetapi tidak termasuk apa-apa slip bank, cek, draf bank, kad, borang pembukaan akaun, lembaran terma, lembaran penzahiran produk, lembaran serlahan produk, borang pemindahan bertelegraf atau apa-apa komunikasi lain yang merupakan suatu bentuk pengesahan sementara;

“surat cara yang telah dikeluarkan” ertinya suatu surat cara yang telah dikeluarkan oleh anggota penerima deposit kepada pelanggannya sebelum tarikh Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa dan dikemukakan kepada anggota penerima deposit pada atau selepas tarikh Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa;

“terminal layan diri” ertiinya suatu alat elektronik, dikendalikan oleh atau bagi pihak suatu anggota penerima deposit, melaluinya seorang boleh melaksanakan transaksi kewangan melibatkan apa-apa akaun deposit tanpa juruwang atau pegawai bank, dan termasuk suatu mesin teler automatik dan suatu mesin deposit wang tunai, cek atau duit syiling.”.

Pindaan peraturan 3

4. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Apabila suatu anggota penerima deposit mengeluarkan apa-apa surat cara yang membuktikan suatu deposit diinsuranskan, anggota penerima deposit hendaklah memasukkan pada mukanya atau pada muka surat yang deposit diinsuranskan itu dirujuk buat kali pertama salah satu daripada pernyataan yang berikut:

(a) “Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit”; atau

(b) “Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.”; dan

(b) dalam subperaturan (2), dengan memotong perkataan “secara bertulis atau melalui cara elektronik”.

Pindaan peraturan 4

5. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

"(1) Apabila suatu anggota penerima deposit mengeluarkan apa-apa surat cara yang membuktikan suatu deposit tidak diinsuranskan, anggota penerima deposit hendaklah memasukkan pada mukanya atau pada muka surat yang deposit tidak diinsuranskan itu dirujuk buat kali pertama salah satu daripada pernyataan yang berikut:

- (a) "Tidak dilindungi oleh PIDM"; atau
 - (b) "Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia".; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan memotong perkataan "secara bertulis atau melalui cara elektronik".

Pindaan peraturan 5

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 5 dengan peraturan yang berikut:

"Surat cara yang membuktikan deposit diinsuranskan dan deposit tidak diinsuranskan

5. Apabila suatu anggota penerima deposit mengeluarkan suatu surat cara yang membuktikan satu atau lebih deposit diinsuranskan dan deposit tidak diinsuranskan, surat cara itu hendaklah membezakan setiap deposit diinsuranskan atau komponen deposit diinsuranskan, dan deposit tidak diinsuranskan atau komponen deposit tidak diinsuranskan dan hendaklah mengandungi berhampiran dengan bahagian surat cara yang membuktikan setiap—

- (a) deposit diinsuranskan atau komponen deposit diinsuranskan, salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 3(1); dan

- (b) deposit tidak diinsuranskan atau komponen deposit tidak diinsuranskan, salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 4(1).”.

Pindaan peraturan 6

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 6 dengan peraturan yang berikut:

“Surat cara yang membuktikan deposit diinsuranskan atau deposit tidak diinsuranskan, dan produk bukan deposit

6. Apabila suatu anggota penerima deposit mengeluarkan suatu surat cara yang membuktikan satu atau lebih deposit diinsuranskan atau deposit tidak diinsuranskan, dan produk bukan deposit, surat cara itu hendaklah membezakan setiap deposit diinsuranskan atau komponen deposit diinsuranskan, atau deposit tidak diinsuranskan atau komponen deposit tidak diinsuranskan, mengikut mana-mana yang berkenaan dan hendaklah mengandungi berhampiran dengan bahagian surat cara yang membuktikan setiap—

- (a) deposit diinsuranskan atau komponen deposit diinsuranskan, salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 3(1); atau
- (b) deposit tidak diinsuranskan atau komponen deposit tidak diinsuranskan, salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 4(1).”.

Pindaan peraturan 7

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 7 dengan peraturan yang berikut:

"Surat cara yang membuktikan deposit diinsuranskan, deposit tidak diinsuranskan dan produk bukan deposit"

7. Apabila suatu anggota penerima deposit mengeluarkan suatu surat cara yang membuktikan satu atau lebih deposit diinsuranskan, deposit tidak diinsuranskan dan produk bukan deposit, surat cara itu hendaklah membezakan setiap deposit diinsuranskan atau komponen deposit diinsuranskan, dan deposit tidak diinsuranskan atau komponen deposit tidak diinsuranskan dan hendaklah mengandungi berhampiran dengan bahagian surat cara yang membuktikan setiap—

- (a) deposit diinsuranskan atau komponen deposit diinsuranskan, salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 3(1); dan
- (b) deposit tidak diinsuranskan atau komponen deposit tidak diinsuranskan, salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 4(1).".

Peraturan baharu 7A

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 7 peraturan yang berikut:

"Surat cara yang telah dikeluarkan dan bekalan surat cara sedia ada"

7A. (1) Suatu anggota penerima deposit hendaklah mematuhi kehendak di bawah peraturan 3, 4, 5, 6 dan 7, mengikut mana-mana yang berkenaan, apabila anggota penerima deposit mempunyai apa-apa surat cara yang telah dikeluarkan atau bekalan surat cara sedia ada yang membuktikan satu atau lebih—

- (a) deposit diinsuranskan;
- (b) deposit tidak diinsuranskan;
- (c) deposit diinsuranskan dan deposit tidak diinsuranskan;

- (d) deposit diinsuranskan atau deposit tidak diinsuranskan, dan produk bukan deposit; atau
 - (e) deposit diinsuranskan, deposit tidak diinsuranskan dan produk bukan deposit.
- (2) Bagi maksud subperaturan (1), suatu anggota penerima deposit boleh menampalkan suatu cap atau suatu pelekat yang mengandungi salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 3(1) atau 4(1), mengikut mana-mana yang berkenaan, pada mana-mana surat cara yang telah dikeluarkan atau bekalan surat cara sedia ada.”.

Pindaan peraturan 8

10. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 8 dengan peraturan yang berikut:

“Penzahiran sebaik sebelum pembelian produk anggota bukan penerima deposit atau produk bukan deposit daripada anggota penerima deposit

8. (1) Apabila terdapat suatu pengeluaran daripada suatu deposit diinsuranskan bagi maksud pembelian apa-apa produk anggota bukan penerima deposit atau produk bukan deposit daripada suatu anggota penerima deposit, anggota penerima deposit itu hendaklah sebaik sebelum pembelian produk itu oleh suatu bakal pelanggan memohon suatu perakuan bertulis daripada bakal pelanggan itu bahawa dia telah diberitahu bahawa—

- (a) produk itu tidak diinsuranskan oleh Perbadanan; dan
 - (b) apa-apa wang yang dikeluarkan daripada deposit diinsuranskan bagi maksud pembelian produk itu tidak lagi diinsuranskan oleh Perbadanan.
- (2) Subperaturan (1) tidak terpakai kepada suatu produk bukan deposit yang merupakan suatu produk insurans atau suatu produk takaful.

(3) Apabila terdapat suatu pengeluaran daripada suatu deposit diinsuranskan bagi maksud pembelian apa-apa produk insurans atau produk takaful daripada anggota penerima deposit, anggota penerima deposit itu hendaklah memaklumkan bakal pelanggan untuk menghubungi Perbadanan bagi maklumat yang berhubungan dengan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans.”.

Pindaan peraturan 9

11. Subperaturan 9(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 38 dan 39 Akta” dengan perkataan “seksyen 38 atau 39 Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan”.

Peraturan baharu 9A

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 9 peraturan yang berikut:

“Perubahan dalam status kebolehinsuransan deposit diinsuranskan

9A. (1) Dalam keadaan terdapat apa-apa perubahan dalam status kebolehinsuransan suatu deposit diinsuranskan, suatu anggota penerima deposit hendaklah memberitahu setiap pendepositnya yang mempunyai deposit diinsuranskan itu, tentang perubahan itu dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang disifatkan sebagai perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan.

(2) Pemberitahuan kepada pendeposit di bawah subperaturan (1) tidaklah termasuk penyiaran dalam akhbar atau cara komunikasi massa yang lain atau perletakan notis di premis atau laman sesawang anggota penerima deposit.”.

Pindaan peraturan 10

13. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 10 dengan peraturan yang berikut:

“Mempamerkan representasi keanggotaan dalam iklan

10. (1) Anggota penerima deposit hendaklah membuat suatu representasi berkenaan dengan statusnya sebagai suatu anggota penerima deposit dalam bentuk dan kandungan sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa, dalam iklannya yang mengandungi maklumat mengenai deposit kecuali untuk iklan yang dikehendaki oleh mana-mana pihak berkuasa pengawal selia kewangan di Malaysia, termasuk Bank Negara Malaysia, dalam suatu format yang ditetapkan seperti lembaran penzahiran produk dan lembaran serahan produk.

(2) Representasi keanggotaan di bawah subperaturan (1) hendaklah dalam saiz dan cetakan yang secara jelasnya mudah dibaca dan ditempatkan berhampiran dengan nama anggota penerima deposit.”.

Pemotongan peraturan 11

14. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 11.

Peraturan baharu 11A

15. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 11 peraturan yang berikut:

“Mempamerkan pernyataan kebolehinsuransan dalam iklan

11A. (1) Apabila suatu iklan berurusan dengan apa-apa deposit diinsuranskan, salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 3(1) hendaklah kelihatan pada muka surat yang deposit diinsuranskan itu dirujuk buat kali pertama dalam iklan itu dan pernyataan itu hendaklah ditempatkan berhampiran dengan bahagian iklan yang berurusan dengan deposit diinsuranskan itu.

(2) Apabila suatu iklan berurusan dengan apa-apa deposit tidak diinsuranskan, salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 4(1) hendaklah kelihatan pada muka surat yang deposit tidak diinsuranskan itu dirujuk buat kali pertama dalam iklan itu dan pernyataan itu hendaklah

ditempatkan berhampiran dengan bahagian iklan yang berurusan dengan deposit tidak diinsuranskan itu.

(3) Apabila suatu iklan berurusan dengan satu atau lebih deposit diinsuranskan dan deposit tidak diinsuranskan bagi maksud menjadi suatu perbezaan yang jelas antara setiap deposit diinsuranskan atau komponen deposit diinsuranskan, dan deposit tidak diinsuranskan atau komponen deposit tidak diinsuranskan—

(a) salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 3(1) hendaklah kelihatan pada muka surat yang deposit diinsuranskan atau komponen deposit diinsuranskan itu dirujuk buat kali pertama dalam iklan itu dan pernyataan itu hendaklah ditempatkan berhampiran dengan bahagian iklan yang berurusan dengan deposit atau komponen itu; dan

(b) salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 4(1) hendaklah kelihatan pada muka surat yang deposit tidak diinsuranskan atau komponen deposit tidak diinsuranskan itu dirujuk buat kali pertama dalam iklan itu dan pernyataan itu hendaklah ditempatkan berhampiran dengan bahagian iklan yang berurusan dengan deposit atau komponen itu.

(4) Apabila suatu iklan berurusan dengan satu atau lebih deposit diinsuranskan atau deposit tidak diinsuranskan, dan produk bukan deposit bagi maksud menjadi suatu perbezaan yang jelas antara setiap deposit diinsuranskan atau komponen deposit diinsuranskan, atau deposit tidak diinsuranskan atau komponen deposit tidak diinsuranskan, mengikut mana-mana yang berkenaan—

(a) salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 3(1) hendaklah kelihatan pada muka surat yang deposit

diinsuranskan atau komponen deposit diinsuranskan itu dirujuk buat kali pertama dalam iklan itu dan pernyataan itu hendaklah ditempatkan berhampiran dengan bahagian iklan yang berurusan dengan deposit atau komponen itu; atau

- (b) salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 4(1) hendaklah kelihatan pada muka surat yang deposit tidak diinsuranskan atau komponen deposit tidak diinsuranskan itu dirujuk buat kali pertama dalam iklan itu dan pernyataan itu hendaklah ditempatkan berhampiran dengan bahagian iklan yang berurusan dengan deposit atau komponen itu.

(5) Apabila suatu iklan berurusan dengan satu atau lebih deposit diinsuranskan, deposit tidak diinsuranskan dan produk bukan deposit bagi maksud menjadi suatu perbezaan yang jelas antara setiap deposit diinsuranskan atau komponen deposit diinsuranskan, dan deposit tidak diinsuranskan atau komponen deposit tidak diinsuranskan—

- (a) salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 3(1) hendaklah kelihatan pada muka surat yang deposit diinsuranskan atau komponen deposit diinsuranskan itu dirujuk buat kali pertama dalam iklan itu dan pernyataan itu hendaklah ditempatkan berhampiran dengan bahagian iklan yang berurusan dengan deposit atau komponen itu; dan
- (b) salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 4(1) hendaklah kelihatan pada muka surat yang deposit tidak diinsuranskan atau komponen deposit tidak diinsuranskan itu dirujuk buat kali pertama dalam iklan itu dan pernyataan itu hendaklah ditempatkan berhampiran dengan bahagian iklan yang berurusan dengan deposit atau komponen itu.

(6) Walau apa pun subperaturan (1) hingga (5), apabila suatu iklan dikehendaki oleh mana-mana pihak berkuasa pengawal selia kewangan di Malaysia, termasuk Bank Negara Malaysia, dalam suatu format yang ditetapkan seperti lembaran penzahiran produk dan lembaran serlahan produk—

- (a) anggota penerima deposit hendaklah menempatkan salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 3(1) atau 4(1) mengikut mana-mana yang berkenaan dalam iklan itu; dan
- (b) pernyataan itu tidak dikehendaki kelihatan pada muka surat yang deposit atau komponen deposit itu dirujuk buat kali pertama dalam iklan itu atau ditempatkan berhampiran dengan bahagian iklan yang berurusan dengan deposit atau komponen deposit itu.

(7) Peraturan-Peraturan ini terpakai sama ada iklan itu merujuk—

- (a) hanya kepada suatu anggota penerima deposit; atau
- (b) kepada suatu anggota penerima deposit dan suatu anggota bukan penerima deposit.”.

Pindaan peraturan 12

16. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 12 dengan peraturan yang berikut:

“Brosur Sistem Insurans Deposit

12. (1) Perbadanan hendaklah, dari semasa ke semasa, membekalkan kepada setiap anggota penerima deposit salinan Brosur Sistem Insurans Deposit.

(2) Perbadanan boleh dari semasa ke semasa mengemaskini maklumat yang terkandung dalam Brosur Sistem Insurans Deposit dan membekalkan salinan Brosur Sistem Insurans Deposit yang telah dikemaskini kepada setiap anggota penerima deposit bagi edaran kepada semua premisnya.”.

Pindaan peraturan 13

17. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 13 dengan peraturan yang berikut:

“Mempamerkan Brosur Sistem Insurans Deposit dalam premis dan pada terminal layan diri

13. (1) Suatu anggota penerima deposit hendaklah dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang disifatkan sebagai perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan mempamerkan secara ketara salinan Brosur Sistem Insurans Deposit di setiap premisnya dan hendaklah menyediakan salinan Brosur Sistem Insurans Deposit itu kepada pendeposit atau orang lain.

(2) Suatu anggota penerima deposit hendaklah pada setiap terminal layan dirinya memaklumkan dalam apa-apa cara yang ditentukan oleh Perbadanan bahawa salinan Brosur Sistem Insurans Deposit ada disediakan di setiap premisnya dan salinan Brosur Sistem Insurans Deposit itu boleh didapati di mana-mana premisnya, laman sesawang anggota penerima deposit dan laman sesawang Perbadanan.”.

Pindaan peraturan 14

18. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 14 dengan peraturan yang berikut:

“Mempamerkan representasi keanggotaan dalam premis dan pada terminal layan diri

14. (1) Suatu anggota penerima deposit hendaklah mempamerkan representasi keanggotaan—

- (a) di bawah subperaturan 10(1) dan yang disediakan oleh Perbadanan secara ketara di pintu masuk utama setiap premisnya; dan
- (b) pada setiap terminal layan dirinya,
dalam apa-apa cara yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Apabila suatu anggota penerima deposit mengosongkan premisnya, anggota penerima deposit itu hendaklah menanggalkan semua representasi keanggotaan daripada premis yang dikosongkan itu.”.

Pindaan peraturan 15

19. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 15 dengan peraturan yang berikut:

“Mempamerkan representasi keanggotaan dan Brosur Sistem Insurans Deposit pada laman sesawang dan akaun dalam laman rangkaian sosial

15. (1) Apabila suatu anggota penerima deposit mempunyai laman sesawangnya sendiri atau berkongsi suatu laman sesawang dengan institusi anggota yang lain, anggota penerima deposit itu hendaklah mempamerkan pada halaman utama laman sesawang itu—

- (a) representasi keanggotaan di bawah subperaturan 10(1);
dan

- (b) suatu hiperpautan, mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Perbadanan, kepada halaman sesawang yang Brosur Sistem Insurans Deposit dipamerkan.

(2) Apabila suatu anggota penerima deposit berkongsi laman sesawang dengan suatu institusi bukan anggota dan laman sesawang itu mengandungi representasi yang berhubungan dengan deposit, anggota

penerima deposit itu hendaklah mempamerkan pada halaman sesawang yang mengandungi representasi yang berhubungan dengan deposit—

(a) representasi keanggotaan di bawah subperaturan 10(1);
dan

(b) suatu hiperpautan, mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Perbadanan, kepada halaman sesawang yang Brosur Sistem Insurans Deposit dipamerkan.

(3) Apabila suatu anggota penerima deposit mempunyai suatu akaun di mana-mana laman rangkaian sosial bagi maksud memberikan maklumat mengenai depositnya atau mempromosikan atau menawarkan jualan depositnya, anggota penerima deposit itu hendaklah mempamerkan representasi keanggotaan di bawah subperaturan 10(1) dalam apa-apa cara yang ditentukan oleh Perbadanan.

(4) Apabila representasi keanggotaan itu dipamerkan oleh suatu anggota penerima deposit mengikut perenggan (1)(a), (2)(a) atau subperaturan (3), perubahan boleh dibuat kepada saiz keseluruhannya bagi maksud paparan elektronik asalkan perkadaran representasi keanggotaan itu, sebagaimana yang disediakan oleh Perbadanan dikekalkan dan representasi keanggotaan itu hendaklah dalam saiz yang secara jelasnya mudah dibaca.”.

Pemotongan peraturan 16

20. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 16.

Pindaan peraturan 17

21. Peraturan 17 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu dengan menggantikan perkataan “**Daftar**” dengan perkataan “**Senarai**”;

- (b) dengan menggantikan perkataan “daftar” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “senarai”;
- (c) dengan menggantikan subperaturan (4) dengan subperaturan yang berikut:

“(4) Senarai itu hendaklah dipamerkan pada laman sesawang anggota penerima deposit dan anggota penerima deposit itu hendaklah juga mempamerkan secara ketara di premisnya suatu notis yang memaklumkan orang awam bahawa senarai itu tersedia pada laman sesawangnya.”;
- (d) dengan memotong subperaturan (5);
- (e) dalam subperaturan (6), dengan menggantikan perkataan “sesalinan” dengan perkataan “sesalinan terkini”; dan
- (f) dengan memotong subperaturan (7).

Pindaan peraturan 18

22. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 18 dengan peraturan yang berikut:

“Penzahiran sebaik sebelum pembukaan suatu akaun deposit atau pembelian suatu deposit

18. (1) Suatu anggota penerima deposit hendaklah sebaik sebelum pembukaan suatu akaun deposit atau pembelian suatu deposit oleh bakal pelanggan daripada anggota penerima deposit, menzahirkan kepada bakal pelanggan itu sama ada wang yang diterima oleh anggota penerima deposit itu bagi pembukaan akaun deposit atau pembelian deposit itu ialah suatu deposit diinsuranskan atau deposit tidak diinsuranskan.

(2) Apabila akaun deposit atau deposit itu ialah suatu deposit diinsuranskan, anggota penerima deposit hendaklah—

- (a) menarik perhatian bakal pelanggan itu kepada status kebolehinsuransan akaun deposit atau deposit itu dengan menggunakan salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 3(1);
- (b) memberikan bakal pelanggan itu sesalinan Brosur Sistem Insurans Deposit; dan
- (c) memohon suatu perakuan bertulis daripada bakal pelanggan itu bahawa dia telah diberitahu mengenai pernyataan di bawah perenggan (a) dan telah menerima Brosur Sistem Insurans Deposit di bawah perenggan (b).

(3) Apabila akaun deposit atau deposit itu ialah suatu deposit tidak diinsuranskan, anggota penerima deposit hendaklah—

- (a) menarik perhatian bakal pelanggan itu kepada status kebolehinsuransan akaun atau deposit itu dengan menggunakan salah satu daripada pernyataan di bawah subperaturan 4(1);
- (b) memberikan bakal pelanggan itu sesalinan Brosur Sistem Insurans Deposit; dan
- (c) memohon suatu perakuan bertulis daripada bakal pelanggan itu bahawa dia telah diberitahu mengenai pernyataan di bawah perenggan (a) dan telah menerima Brosur Sistem Insurans Deposit di bawah perenggan (b).

(4) Setiap pernyataan yang dibuat di bawah peraturan 3, 4, 5, 6, 7, 7A, 8, 11A, subperaturan 18(2) dan 18(3), hendaklah dalam saiz dan cetakan yang secara jelasnya mudah dibaca.

(5) Apabila suatu deposit diinsuranskan ialah suatu akaun amanah, anggota penerima deposit itu hendaklah, sebaik sebelum pembukaan akaun amanah itu, memaklumkan orang yang bertindak sebagai pemegang amanah mengenai obligasinya berhubung dengan kehendak penzahiran akaun amanah di bawah Akta.”.

Peraturan baharu 18A, 18B dan 18c

23. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 18 peraturan-peraturan yang berikut:

“Ejen

18A. (1) Apabila aktiviti menerima deposit dijalankan oleh suatu ejen bagi pihak suatu anggota penerima deposit, anggota penerima deposit hendaklah memastikan bahawa ejennya—

(a) mematuhi kehendak peraturan 3, perenggan 9(1)(a) dan peraturan 18, dan apa-apa kehendak lain Peraturan-Peraturan ini yang ditentukan oleh Perbadanan; dan

(b) membuat penzahiran yang mencukupi dan tepat bahawa dia ialah ejen anggota penerima deposit dan suatu anggota penerima deposit hendaklah memastikan bahawa ejen itu tidak menggambarkan dirinya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sebagai seorang anggota Perbadanan.

(2) Suatu anggota penerima deposit boleh menyediakan salinan Brosur Sistem Insurans Deposit dan senarai deposit diinsuranskan kepada ejennya untuk paparan di tempat perniagaan dan laman sesawang ejennya itu.

Latihan

18B. (1) Suatu anggota penerima deposit hendaklah melatih ejen dan kakitangannya yang berurusan secara langsung dengan pelanggan atau bakal pelanggan bagi pembukaan apa-apa akaun deposit atau pembelian apa-apa deposit, atau pembelian apa-apa produk anggota bukan penerima deposit atau produk bukan deposit daripada anggota penerima deposit di bawah peraturan 8, mengenai sistem insurans deposit termasuk skop perlindungan dan had perlindungan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), suatu anggota penerima deposit hendaklah menyediakan sesi latihan kepada ejen dan kakitangannya itu mengikut kehendak yang ditentukan oleh Perbadanan.

Semakan tahunan

18C. Suatu anggota penerima deposit hendaklah menjalankan suatu semakan tahunan pematuhannya dan pematuhan oleh ejennya dengan peruntukan Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah mengemukakan suatu laporan mengenai semakan pematuhan itu kepada Perbadanan mengikut kehendak yang ditentukan oleh Perbadanan.”.

Pemotongan peraturan 19

26. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 19.

Pindaan peraturan 20

27. Peraturan 20 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) suatu profil deposit diinsuranskan dan deposit tidak diinsuranskan;”.

Dibuat 11 Januari 2019
[PIDM/PN/XX/2017; PN(PU2)689/V]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI BINTI YUSOFF
Pengerusi
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Diluluskan 22 Januari 2019
[MOF.SID(S)700-1/26(SK.1); PN(PU2)689/V]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 209(4)
Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011]

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(PROVISION OF INFORMATION ON DEPOSIT INSURANCE) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by section 209 of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [Act 720], the Corporation, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Provision of Information on Deposit Insurance) (Amendment) Regulations 2019**.

